

**TELEFON AWAM UNTUK KEGUNAAN PELAJAR
[KOLEJ KEDIAMAN DI UNIVERSITI]
[FRENLYFONE]**



**KURSUS: IDH317 / DIPLOMA PROJECT 1 (PENYELIDIKAN)
PROGRAM: DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA
(SENI REKA PERINDUSTRIAN)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KEDAH, KAMPUS SUNGAI PETANI
PETI SURAT 187, 08400 MERBOK, KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA**

OLEH:

**MOHD FARHAN BIN AHMAD SHUKRI
2002131567**

NOVEMBER 2005



Surat Kami : 100-UiTMSP(HEA.1/1)
Tarikh : Sept. 2005

Kepada

SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/puan,

MEMOHON KERJASAMA BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT PENYELIDIKAN PROJEK PELAJAR

Adalah dimaklumkan bahawa saudara/saudari MOHD FARHAN BIN AHMAD SHUKRI

No. Pelajar UiTM 2002131567 pembawa surat ini adalah pelajar Program Seni Reka Perindustrian, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Kedah. Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat membantu pelajar kami dalam penyelidikan projek ini.

Segala usaha murni dan kerjasama pihak tuan/puan kami di Universiti dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

'UiTM KEDAH KE ARAH ISO 9001 : 2000'

Yang benar

MUHAMMAD FAUZI ZAINUDDIN
KOORDINATOR PROGRAM DIPLOMA SENI REKA PERINDUSTRIAN

ISI KANDUNGAN

	Halaman
Surat Penyelidikan	ii
Surat Penyerahan Laporan	iv
Daftar Ahli Penyelidik	v
Penghargaan	vi
Isi Kandungan	vii
Abstrak	xx
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1Pengenalan	1
1.2Objektif	1
1.3Definisi Pengukuran	2
1.4Pernyataan Masalah	3
1.5Skop Kajian	4
1.6Reka bentuk Teori	4
1.7Organisasi kajian	5

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	6
2.2	Status Kajian	6
2.3	Kajian Lepas	8

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	9
3.2	Kaedah Penyelidikan	9
3.3	Data Prima	9
	Soalselidik	
	Temubual	
	Tinjauan	
3.4	Data Skunder	15
	Perpustakaan	
	Internet	
	Lain-lain	
3.5	Teknik Analisa Data	16

ABSTRAK

Masyarakat dunia pada masa kini sentiasa di pengaruhi dengan gaya hidup yang mengikut arus perubahan semasa. Sudah menjadi perkara biasa bagi masyarakat Dunia untuk mengejar arus permodenan yang semakin canggih dari masa ke semasa. Malaysia juga seperti negara-negara maju yang lain tidak ketinggalan untuk menerokai kecanggihan teknologi terkini didunia. Saban hari kita kerap melihat pelbagai teknologi Dan aneka rekabentuk yang kreatif dan inovatif. Kebanyakan produk yang sedia ada diperbaharui dari segi fungsi dan rekabentuk yang lebih menarik. Akan tetapi ada juga sesetengah produk yang terlepas pandang dan jarang diambil perhatian mengenai rekabentuk oleh para perekabentuk.

Telefon awam adalah merupakan alat telekomunikasi yang jarang diberi penekanan dari aspek rekabentuk. Kita sedia maklum dan tahu bagaimana statiknya rekabentuk telefon awam di Malaysia, baik dari segi ganggang hinggalah ke warnanya. Ada terdapat dua jenis kategori telefon awam di Malaysia, untuk kegunaan luaran dan kegunaan dalaman. Pada kebiasaannya syarikat Telekom Malaysia menyediakan pondok khas yang ditempatkan sekali dengan telefon tersebut bagi tujuan melindungi telefon dari hujan dan panas. Untuk kegunaan dalaman pula, kebiasaannya mereka hanya meletakkan telefon itu bersendirian tanpa pembahagi antara satu sama lain.

Selain itu juga, terdapat juga masalah yang dihadapi oleh pengguna telefon awam ini, terutamanya oleh pelajar universiti, seperti tiada privacy apabila bercakap, lenguh di pergelangan tangan dan tidak berkonsepkan mesra pengguna. Hal lain yang berkaitan dengan telefon awam ialah masalah ketidakpelbagaian dari segi pembayaran. Pada kebiasaannya telefon awam sekarang menggunakan dua jenis kaedah pembayaran iaitu penggunaan syiling dan kad telefon. Ramai yang mengeluh dan tidak berpuas hati dengan keadaan telefon awam sekarang dan ini dibuktikan lagi dalam penyelidikan yang dijalankan melalui kaedah soal selidik kepada para pelajar. Rata-rata mereka mencadangkan yang telefon awam yang ada sekarang supaya boleh menerima wang kertas selain dari kaedah konvensional. Mereka juga mencadangkan supaya menukar rekabentuk yang ada sekarang kelihatan lebih menarik dan menggunakan warna yang lebih ceria dan menepati konsep 'Gaya Hidup Moden'.